



DAING NASIR IBRAHIM (tengah), Ayib Rosdi Zainun (kiri) dan Bendahari UMP, Zainudin Othman bersama risalah mengenai Kejohanan Golf Amal UMP untuk mengumpul dana MyGift UMP.

UTUSAN MALAYSIA (DILAKUKAN NEGARA) 3/9/2016 m/s 28

UMP anjur kejohanan golf amal kumpul dana biasiswa pelajar

KUALA LUMPUR 2 Sept. - Kelab Golf Universiti Malaysia Pa-hang (UMP) akan menganjurkan Kejohanan Golf Amal bagi mengumpul dana biasiswa untuk pelajar miskin yang melanjutkan pelajaran ke uni-versiti berkenaan.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, Kejohanan Golf Amal itu adalah inisiatif MyGift UMP yang diperkenalkan sebagai kemudahan kepada masyarakat, warga kampus dan alumni untuk bersama pihaknya dalam menyokong budaya menderma demi memakmurkan ilmu.

"Sumbangan daripada program ini juga akan di-manfaatkan oleh pihak uni-versiti bagi tujuan tajaan pengajian, peningkatan fa-

siliti dan kualiti akademik di UMP," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Kejohanan tersebut akan diadakan di dua lokasi iaitu pada 3 September di Glenmarie Golf & Country Club, Shah Alam, Selangor, manaka-la pada 17 September pula di Mahkota Golf & Country Club, Kuantan, Pahang.

Sementara itu, Pengarah Program, Dr. Ayib Rosdi Zainun berkata, setiap pe-nyertaan dikenakan yuran RM3,000 seorang manaka-la yuran satu flight pula RM10,000 yang merangkumi kos penggunaan padang, kere-ta buggy dan insurans.

Maklumat lanjut boleh diperoleh di lawan web rasmi kejohanan <http://golfamal2016.ump.edu.my/>.